



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies
(IJWCPS)
Universiti Sains Malaysia
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>
e-ISSN: 3030-5071
Volume 5 September 2026: 44-71

Submission date: 03.03.2026 Accepted date: 30/03/2026 Published date: 01/09/2026

**Cabaran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)
dalam Gerakan Dakwah di Pulau Pinang
(*Challenges of the Malaysian Islamic Dakwah Foundation
(YADIM) in the Dakwah Movement in Penang*)**

**Muhammad Izzuddin, B. & Mustaqim Roslan, M.*
Universiti Sultan Azlan Shah**

***Corresponding author: muhd.mustaqim@usas.edu.my**

Abstrak

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) merupakan sebuah badan yang bertanggungjawab menyelaras kegiatan dakwah di Malaysia agar selari dengan dasar negara, termasuk di negeri Pulau Pinang. Statistik Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah pada tahun 2024 menunjukkan bahawa lebih daripada 50% penduduk negeri ini terdiri daripada bukan Islam. Keadaan ini menimbulkan cabaran besar kepada gerakan dakwah, khususnya dalam menangani penyebaran ideologi yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti sekularisme, pluralisme dan Islam liberal. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis cabaran yang dihadapi oleh YADIM dalam melaksanakan gerakan dakwah di Pulau Pinang. Kajian ini berasaskan falsafah interpretif dengan pendekatan kajian kes sebagai strategi utama. Reka bentuk kualitatif digunakan melalui gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur yang melibatkan pengarah serta pegawai YADIM Negeri Pulau Pinang. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan dikategorikan secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan empat cabaran utama iaitu kekurangan pendakwah kompeten, ketidakstabilan peruntukan dana, lokasi pusat operasi yang kurang strategik serta kelemahan dalam

pengurusan operasi. Justeru, pelan tindakan yang lebih sistematik dan inovatif perlu dirangka bagi memastikan keberkesanan gerakan dakwah. Kajian lanjutan juga dicadangkan bagi meneroka metodologi dakwah baharu yang lebih sesuai dengan konteks masyarakat majmuk.

Kata Kunci: Cabaran, Dakwah, Gerakan, Pulau Pinang, YADIM.

Abstract

The Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) is an organization responsible for coordinating Islamic missionary (dakwah) activities in Malaysia, including in Pulau Pinang, in accordance with national policies. Data from the Ministry of Rural and Regional Development in 2024 show that over 50% of the state's population are non-Muslims. This situation creates significant challenges for dakwah efforts, especially in countering ideologies that oppose Islamic teachings, such as secularism, pluralism, and liberal Islam. This article analyzes the challenges YADIM faces in conducting dakwah activities in Pulau Pinang. The study adopts an interpretive paradigm and uses a case study approach as its main research method. A qualitative design is employed, combining document analysis and semi-structured interviews with the director and officers of YADIM Pulau Pinang. The data collected is analyzed through content analysis and grouped thematically. The results identify four major challenges: a lack of skilled preachers, unstable operational funding, poorly located operational centers, and management inefficiencies. Therefore, a more systematic and innovative action plan is needed to improve the effectiveness of dakwah efforts. Further research is also encouraged to develop new dakwah strategies better suited to a pluralistic society.

Keywords: Challenge, Dakwah, Movement, Penang, YADIM.

Pengenalan

Gerakan dakwah Islamiyyah sudah bermula sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Ketika di awal kedatangan Islam, antara pendekatan dakwah yang digunakan oleh Rasulullah SAW antaranya dakwah secara sembunyi di rumah sahabat bernama Al-Arqam. Ketika itu, penerimaan dakwah yang dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW hanya disambut baik oleh sekelompok kecil kaum Arab Quraisy. Antara individu awal yang menerima seruan dakwah baginda ialah isteri baginda Khadijah binti Khuwailid, Ali ibn Abi Thalib, Zaid bin Haritsah, Abu Bakar As-Siddiq dan lain-lain. Tujuan utama kaedah dakwah secara bersembunyi yang dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW ini untuk mengajarkan masyarakat untuk meninggalkan segala kejahilan (Slamet Riyadi, 2023). Setelah itu, turunnya wahyu yang menuntut baginda untuk berdakwah secara terang-terangan. Hal ini dinyatakan di dalam Al-Qur'an yang bermaksud: "Maka sampaikanlah olehmu secara terang-terangan segala apa yang diperintahkan (kepadamu) dan berpalinglah dari orang-orang yang musyrik" (Al-Hijr, 15:94). Maka, penurunan dalil ini menjadi titik perubahan metode dakwah baginda Rasulullah SAW, dari dakwah secara sembunyi menjadi dakwah secara terang-terangan. Perjalanan dakwah tidak terhenti di zaman Rasulullah SAW sahaja, bahkan penyebaran dakwah Islamiyyah diteruskan oleh para sahabat, dimulai oleh para *khulafa' ar-rasyidin*, kemudian disambung oleh para *tabi'*, para *tabi' tabi'in* dan para ulama', sehingga Islam menyebar luas ke pelusuk dunia termasuklah di Malaysia.

Di Malaysia, bagi memartabatkan dakwah Islamiah di Malaysia, maka ditubuhkan sebuah institusi yang dinamakan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) pada tahun 1974 yang bertanggungjawab menyelaras kegiatan dakwah di Malaysia. Ia merupakan tunjang utama yang menjadi pemangkin ke arah penyebaran dakwah bagi setiap negeri di Malaysia. Walau bagaimanapun, perjalanan dakwah di setiap negeri di Malaysia ini mempunyai rintangan dan cabarannya yang tersendiri, termasuklah di negeri Pulau Pinang. Keadaan ini menunjukkan bahawa usaha dakwah Islam di negeri tersebut menghadapi cabaran yang besar, terutama apabila lebih separuh daripada penduduknya bukan beragama Islam. Dengan pengaruh kuat ideologi seperti sekularisme, pluralisme agama, dan Islam liberal, menyampaikan ajaran Islam yang sebenar menjadi lebih mencabar dan memerlukan pendekatan yang lebih bijaksana (Muhammad Rashidi,

2017). Gejala ini boleh ditangkis dengan pendekatan yang bijak, seperti memperkukuh pendidikan agama, mengadakan dialog yang terbuka dan harmoni, serta memperkuat akidah. Dengan usaha ini, ajaran Islam yang sebenar dapat terus dipelihara dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

Menurut statistik dan laporan yang dikeluarkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia Negeri Pulau Pinang (YNPP) (2024), laporan menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat dalam program-program yang dianjurkan hanya mencapai sebanyak 61% dan peratusan ini antara peratusan yang tidak mencapai piawaian yang ditetapkan oleh YADIM induk iaitu sebanyak 80%. Hal ini berbeza dengan peratusan yang dikeluarkan oleh YADIM di negeri lain. Antara negeri yang mempunyai peratusan tertinggi keterlibatan masyarakat dalam program yang dianjurkan ialah YADIM Negeri Sabah, YADIM Negeri Sarawak dan diikuti dengan negeri-negeri lain. Dengan statistik yang tidak mencapai piawaian ini, ia menunjukkan bahawa wujudnya kekurangan serta kesukaran bagi YNPP dalam menarik minat golongan *mad'u* dalam menyertai program yang dianjurkan oleh YNPP. Selain itu, YNPP juga antara negeri yang tidak mencapai piawaian pada skop pengislaman dibandingkan YADIM di negeri lain. Skop pengislaman ialah salah satu piawaian yang ditetapkan oleh YADIM Induk di mana setiap negeri perlu mencapai piawaian dalam mengislamkan golongan *non muslim* (Informan 1 (In1), komunikasi peribadi, November 1, 2024). Dengan ketidakcapaian YNPP dalam skop pengislaman juga memungkinkan bahawa wujudnya cabaran yang dihadapi oleh YNPP berbanding YADIM negeri lain.

Melihatkan kepada statistik yang dikeluarkan, ia membuka ruang buat pengkaji bagi mengkaji tentang cabaran yang dihadapi oleh YNPP. Oleh hal yang demikian, artikel ini bertujuan bagi menganalisis cabaran-cabaran yang dihadapi oleh YNPP dalam melaksanakan gerakan dakwah di Malaysia. Kajian ini penting dalam mencari cabaran-cabaran yang dihadapi oleh YNPP dalam menggerakkan kerja dakwah. Hal ini kerana, Pulau Pinang merupakan antara negeri yang mempunyai *mad'u* yang ramai dari kalangan bukan Islam iaitu sebanyak 54.5% (Kementerian Kemajuan Penduduk dan Wilayah, 2024). Oleh itu, dengan adanya kajian ini, ia diharapkan dapat membuka mata pelbagai pihak supaya peka terhadap cabaran yang dihadapi oleh YADIM khususnya YNPP. Oleh hal yang demikian, artikel ini akan menjawab sebuah persoalan iaitu apakah

cabaran-cabaran yang dihadapi oleh YNPP dalam melaksanakan gerakan dakwah di Pulau Pinang?

Sorotan Kajian

Sorotan kajian merupakan proses analisis kritikal terhadap kajian-kajian terdahulu bagi menilai kecenderungan perbincangan, kekuatan dapatan serta jurang yang masih belum diterokai. Dalam konteks kajian ini, penelitian difokuskan kepada karya berkaitan pengurusan, metodologi dan cabaran gerakan dakwah YADIM serta gerakan Islam di Malaysia. Analisis ini penting bukan sekadar untuk menyenaraikan dapatan lepas, tetapi untuk menilai sejauh mana kajian-kajian tersebut benar-benar membincangkan cabaran pelaksanaan dakwah pada peringkat operasi, khususnya di peringkat negeri seperti YNPP.

Kajian oleh Masitah Esa, Amini Amir Abdullah dan Nurdeng (2017) dalam *Implementasi Konsep Pengurusan Dakwah Satu Tinjauan Awal di Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)* serta Masitah Esa, Amini Amir Abdullah dan Siti Suhaila Ihwani (2017) dalam *Metodologi Dakwah YADIM kepada Masyarakat: Satu Tinjauan Awal* jelas menonjolkan kekuatan struktur pengurusan dan pendekatan dakwah YADIM. Keduanya mengangkat YADIM sebagai organisasi yang tersusun, berstrategi dan efektif melalui pendekatan tarbiah dan media. Namun secara kritis, kajian-kajian ini lebih bersifat normatif dan menilai “apa yang sepatutnya” atau “apa yang berjaya dilaksanakan” berbanding menganalisis kekangan sebenar di lapangan. Perbincangan tertumpu kepada model dan kerangka ideal pengurusan dakwah di peringkat pusat, tanpa membandingkan realiti pelaksanaan di peringkat negeri yang mungkin berhadapan dengan kekurangan sumber, perbezaan sokongan politik atau sensitiviti masyarakat setempat. Di sinilah wujud jurang antara analisis konseptual dan realiti kontekstual.

Kajian Masitah binti Esa (2017) dalam *Transformasi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia Dalam Melaksanakan Gerakan Dakwah di Malaysia* pula mula menyentuh isu cabaran seperti kepimpinan, kewangan dan birokrasi. Namun, cabaran tersebut dibincangkan sebagai justifikasi kepada transformasi organisasi, bukan sebagai analisis mendalam terhadap dinamika konflik atau tekanan struktur yang berbeza mengikut negeri. Begitu juga kajian Siti Ruzana, Rahila, Azlizan dan Russli (2020) yang

membincangkan cabaran gerakan Islam secara historikal dan ideologikal. Walaupun kajian ini bersifat kritikal terhadap tekanan politik dan perbezaan aliran, skopnya terlalu makro dan tidak memfokuskan kepada organisasi tertentu. Secara analitik, dapat diperhatikan bahawa kajian-kajian ini menempatkan cabaran sebagai fenomena umum gerakan Islam, bukan sebagai isu pengurusan dan pelaksanaan organisasi dakwah pada aras mikro.

Justeru, perbandingan secara kritis menunjukkan bahawa literatur sedia ada cenderung menekankan keberkesanan, transformasi dan sejarah cabaran gerakan Islam, tetapi kurang memberi perhatian kepada analisis empirikal terhadap cabaran institusi dakwah di peringkat negeri. Tiada kajian yang secara khusus membedah realiti YNPP dalam konteks komposisi masyarakat majmuk, hubungan pusat-negeri, persepsi awam dan kekangan sumber setempat. Jurang ini memperlihatkan keperluan kajian yang lebih kontekstual dan bersifat kajian kes bagi menilai cabaran YNPP secara mendalam. Dengan demikian, kajian ini bukan sekadar mengisi kekosongan literatur, tetapi memperluas dimensi analisis daripada tahap makro nasional kepada tahap mikro negeri yang lebih realistik dan kritikal.

Metodologi Kajian

Metodologi merujuk kepada sistem atau cara yang digunakan untuk memperoleh pengetahuan atau kebenaran melalui proses yang berstruktur. Penggunaan cara, kaedah dan pendekatan yang sesuai penting bagi mencapai objektif dan matlamat kajian (Nur Aishah & Mustaqim Roslan, 2024). Tiga asas utama iaitu reka bentuk, kaedah pengumpulan data dan analisis data merupakan sebahagian daripada metodologi kajian. Justeru, falsafah interpretif telah diaplikasikan dalam kajian ini iaitu pencarian penjelasan mengenai peristiwa-peristiwa sosial atau budaya yang didasari oleh perspektif persekitaran yang sedang dikaji (Muslim, 2016). Reka bentuk kualitatif telah diadaptasikan dalam kajian ini dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur melibatkan pengarah YNPP dan beberapa pegawai YNPP. Menurut Ritchie et al. (2013), temu bual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci secara bersemuka dengan informan bagi mengenal pasti isu dan masalah kajian.

Purposive sampling ataupun sampel bertujuan telah digunakan dalam kajian ini dengan memilih tiga sampel berdasarkan pertimbangan pengkaji untuk memilih sampel yang paling berguna dan sesuai serta memenuhi keperluan kajian (Babbie, 2002). Kesemua sampel adalah daripada pengarah YNPP serta dua pegawai YNPP yang bertanggungjawab menguruskan pengoperasian gerakan dakwah YNPP di Pulau Pinang. Bilangan responden yang ditemubual bukanlah isu utama di dalam kajian kualitatif kerana tidak ada satu peraturan khusus yang boleh digunakan dalam menentukan saiz sampel (Patton, 2002). Hal ini selari dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Cresswell (2002) yang menyatakan bahawa kajian kualitatif bukan untuk membuat sebuah generalisasi kepada populasi kajian tetapi lebih kepada meneroka secara mendalam fenomena yang dikaji. Berikut adalah senarai informan yang menjadi peserta kajian ini:

Rajah 1: Informan Kajian

Bil.	Informan	Jawatan
1.	Informan 1 (In1)	Pengarah
2.	Informan 2 (In2)	Penolong Pengarah
3.	Informan 3 (In3)	Penolong Pegawai

Sumber: Olahan dari Perbincangan Kajian

Kaedah snowball telah digunakan bagi mendapatkan data seperti yang dicadangkan oleh Cresswell (2009), memandangkan kajian ini tidak mengetahui siapakah dalam kalangan populasi yang benar-benar layak dipilih dan mampu memberikan maklumat yang kaya sebagai sampel kajian. Setelah data dokumen dan data temubual diperolehi, kaedah analisis kandungan dokumen telah digunakan bagi menganalisis data-data yang diperolehi yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Kaedah penyaringan digunakan iaitu membuat transkripsi rakaman audio diubah kepada bentuk verbatim. Transkrip kemudiannya diindekskan kepada kod-kod yang tertentu bagi memudahkan pengkaji menganalisis data. Terdapat lima langkah dalam mengatur analisis tematik iaitu membuat transkripsi temu bual secara verbatim, membuat pengagihan soalan, membuat pengkategorian awal, mencari tema dan akhir sekali membuat koding (Mustaqim Roslan, 2024).

Konsep Dakwah Di YADIM Negeri Pulau Pinang

Dakwah merupakan perkataan yang berasal dari kalimah arab iaitu **دعو** yang bermaksud memanggil, menyeru, memohon manakala Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) mendefinisikan dakwah sebagai kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan. Yusuf Al-Qaradawi (1978) mendefinisikan dakwah sebagai usaha membawa orang lain kepada agama Islam supaya mengikuti petunjuk agama dan melaksanakan segala ketetapanNya di muka bumi. Adam Abdullah Al-Auri (1989) pula mendefinisikan dakwah sebagai memalingkan pandangan dan pemikiran manusia kepada pandangan dan pemikiran yang berasaskan akidah. Selain itu, Ra'uf Shalabi (1982) juga mendefinisikan dakwah sebagai gerakan membawa atau mengubah masyarakat daripada keadaan kekufuran kepada keadaan keimanan. Melihatkan kepada semua definisi yang diberikan, dapat disimpulkan bahawa dakwah merupakan suatu usaha seseorang atau atau sekumpulan untuk menyeru manusia untuk mengikuti agama yang benar iaitu Islam serta seruan mengajak umat manusia bagi melaksanakan segala perintah dan ketetapanNya.

Menurut Zulkifli Al-Bakri (2019), dakwah merupakan kewajipan dan tugas asasi umat Islam untuk menyeru, mengajak, menyampaikan dan memperkenalkan manusia mengenai ajaran Islam. Hal ini bertepatan dengan dalil Al-Quran yang bermaksud: *“Dan hendaklah ada diantara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar”* (Ali imran, 3:104). Ibn Kathir (2003) mentafsirkan ayat ini dengan menyatakan bahawa hanya segolongan sahaja yang perlu mengambil peranan dakwah ini sesuai dengan keahliannya, meskipun secara umumnya dakwah ialah kewajipan bagi setiap umat Islam. Al-Qurthubi (2007) pula berpandangan bahawa kalimah **منكم** di dalam ayat tersebut menunjukkan “sebahagian” yang bermaksud orang-orang yang perlu melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar adalah dari kalangan ulama'. Al-Qurthubi (2007) menambah lagi bahawa perintah dalam melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar adalah fardhu kifayah. Hal ini bermaksud, suruhan dalam melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar hanya dikhususkan dan diwajibkan kepada golongan yang sesuai mengikut keahliannya iaitu para ulama'. Meskipun kedua imam ini berpandangan bahawa kewajipan berdakwah hanya dikhususkan kepada para ulama', namun pengkaji lebih cenderung dalam

mengikut pandangan pertama yang berpandangan bahawa setiap umat Islam perlu mempunyai sifat tanggungjawab bagi melaksanakan amar ma'ruf dan nahi munkar agar seiringan dengan hadis baginda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Barangsiapa di antara kamu melihat kemungkaran, hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya. Apabila dia tidak mampu, maka dengan lisannya”* (Hadis Riwayat Muslim, no 78).

Di Malaysia, wujud sebuah institusi yang ditubuhkan khusus bagi menggerakkan gerakan dakwah Islamiah di setiap negeri di Malaysia iaitu YADIM. YADIM adalah sebuah badan dakwah yang ditubuhkan oleh bekas Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak pada tahun 1974. Antara fungsi dan peranan YADIM dalam melestarikan gerakan dakwah di Malaysia ialah memanfaatkan kaedah-kaedah baru dan teknologi terkini dalam bidang dakwah, menjalankan kegiatan dakwah termasuklah menganjurkan program-program seperti forum, ceramah dan seminar serta menerbitkan bahan-bahan penerangan mengenai Islam dan menangani dakyah-dakyah yang memburukkan agama Islam (Muhammad Fakhru Bazli, 2022). Selain itu, antara tiga objektif utama penubuhan YADIM ialah untuk menyelaraskan kegiatan dakwah di Malaysia, menyelaraskan kegiatan dakwah Islam melalui pendekatan sosial dan melahirkan pendakwah Islam yang berpengetahuan dan berkemahiran (Masitah Esa, 2017). Terdapat dua konsep dan pendekatan dakwah yang digunakan oleh YADIM bagi menarik minat *mad'u* dalam mendekati Islam. Kedua pendekatan yang digunakan oleh YADIM ialah kaedah dakwah melalui konsep media dan kaedah dakwah melalui konsep tarbiyah (Muhammad Fakhru Bazli, 2022).

Pendekatan pertama yang digunakan oleh YADIM ialah pendekatan dakwah melalui konsep media. Media menurut Kamus Dewan (2005) ialah ‘alat atau perantara komunikasi, jenis saluran dan perantara komunikasi seperti radio, televisyen dan akhbar’. Di era globalisasi ini, penyebaran satu berita atau maklumat bergerak dengan begitu pantas sekali. Maklumat kini boleh diakses dengan mudah, tambahan lagi wujudnya kemajuan *artificial intelligent* (AI) dan laman carian yang mudah diakses seperti Google serta media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *YouTube* dan sebagainya. Seiringan dengan kemajuan teknologi & maklumat, YADIM juga bergiat aktif dalam menyebarkan agenda dakwah di pelbagai platform seperti Facebook, TikTok, Instagram dan Youtube (Abd Aziz, 2006). Selain itu, YADIM juga giat dalam menyebarkan dakwah melalui media

massa dan media bercetak. Antara contoh media bercetak yang digunakan dan diterbitkan oleh YADIM ialah jurnal, akhbar, risalah, majalah dan artikel (Muhammad Fakhru Bazli, 2022). Penyebaran dakwah melalui konsep media ini penting kerana selain dapat menyebarkan agenda dakwah, ia dapat menarik minat golongan *mad'u* terutamanya penyebaran di media sosial. Hal ini kerana, statistik daripada Kementerian Komunikasi (2024) menunjukkan bahawa pengguna media sosial di Malaysia mencapai sebanyak 28 juta dan peratusan sebanyak 86%. Menurut Simon Kemp (2023), purata pengguna internet di Malaysia berusia antara 16 hingga 64 tahun dan menghabiskan masa di media sosial secara purata selama dua jam 47 minit. Dengan wujudnya statistik ini, ia membantu YNPP untuk lebih giat mempromosikan agenda dakwah kepada golongan *mad'u* lebih-lebih lagi di media sosial.

Seterusnya, kaedah kedua yang digunakan oleh YNPP ialah pendekatan dakwah melalui konsep tarbiah. Menurut Kamus Dewan (2005), tarbiah didefinisikan sebagai pendidikan, pengasuhan, mendidik dan mengasuh. Kaedah dakwah melalui konsep tarbiah merupakan antara elemen terpenting dalam kehidupan (Masitah Esa, 2017). Hal ini kerana, tujuan utama pendekatan dakwah melalui tarbiah ini adalah bagi mendidik dan meningkatkan ilmu pengetahuan umat Islam dari sudut akidah dan syariah. Selain itu, dengan pendekatan dakwah melalui tarbiah juga mampu memperbaiki akhlak umat Islam dari mazmumah ke mahmudah. Antara contoh keberhasilan pendekatan dakwah melalui tarbiah ialah kehebatan para sahabat khususnya para khulafa' ar-rasyidin yang bermula daripada Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq, Sayyidina Umar ibn Al-Khattab, Sayyidina Uthman ibn Affan dan Sayyidina Ali ibn Abi Thalib (Nawi, 2020). Bagi mengaplikasikan kaedah tarbiah dalam dakwah, YADIM telah menganjurkan beberapa program berbentuk formal bagi mendidik dan meningkatkan ilmu pengetahuan umat Islam. Antara program yang telah YADIM anjurkan ialah Muktamar Majlis Amal Islami, Pemantapan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, Simposium Muamalah Islam dan Keluarga Sakinah yang dilaksanakan pada tahun 2024. Antara contoh lain program yang telah dianjurkan oleh YNPP pada tahun 2025 ialah YADIM Kolaboratif: Ceramah Kesihatan yang bertempat di Masjid Umar ibn Al-Khattab di Bayan Baru, Pulau Pinang serta Program Kembara 2K (Kerohanian dan Keusahawanan) yang melibatkan peserta-peserta LGBT yang ingin berhijrah ke jalan yang benar. Program-program ini sekaligus seiringan dengan *tagline* YADIM iaitu "Sampaikan Dariku Walau Satu

Ayat” (Masitah Esa, 2017). Meskipun YNPP mempunyai metode tersendiri dalam menjalankan kerja dakwah, namun masih wujud cabaran yang dihadapi oleh YNPP dalam melaksanakan gerakan dakwah yang akan dibincangkan pada subtopik seterusnya.

Cabaran YNPP Dalam Melaksanakan Gerakan Dakwah Di Pulau Pinang

Perjalanan dakwah begitu sinonim dengan cabaran. Hal ini telah dibuktikan dengan perjalanan dakwah yang dilalui oleh baginda Rasulullah SAW. Apabila disoroti kisah sirah nabawiyah, wujudnya cabaran yang dilalui oleh baginda Rasulullah SAW dalam melaksanakan dakwah Islamiah. Antara peristiwa cabaran dakwah yang dihadapi oleh baginda ialah ketika dakwah baginda ditolak di Kota Taif. Ketika itu, dakwah baginda bukan sahaja ditolak bahkan baginda dilemparkan batu sehingga berlumuran darah di kaki baginda (Jamiri, 2022). Namun, cabaran dakwah yang diterima oleh YNPP tidaklah seperti apa yang baginda Rasulullah SAW alami. Cabaran yang dihadapi oleh YNPP dalam melaksanakan gerakan dakwah ialah kekurangan pendakwah yang kompeten, ketidakstabilan peruntukan dana operasi, pusat operasi yang tidak strategik dan pengurusan operasi yang kurang efisien. Berikut adalah dapatan umum terhadap cabaran yang dihadapi oleh YNPP dalam melaksanakan gerakan dakwah di Pulau Pinang seperti gambar rajah di bawah:



Kekurangan Pendakwah Yang Kompeten

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), kompeten bermaksud cekap, layak dan dapat menjalankan tugas dengan baik. Pendakwah yang kompeten pula merujuk kepada kecekapan pendakwah dalam

melaksanakan tugas dakwah. Mahmud (1995) menyatakan bahawa untuk menjadi pendakwah yang kompeten, seseorang perlu memenuhi pra-syarat yang ditetapkan oleh Allah, agama, akhlak, adab, keilmuan serta tahap keyakinan yang tinggi kepada Allah SWT. Ahmad (1993) pula menambah bahawa aspek yang perlu dimiliki oleh pendakwah kompeten ialah pemahaman Islam yang tepat serta berilmu, pemahaman dan penghayatan terhadap gerakan dakwah Islamiah, memiliki akhlak yang baik, mempunyai ilmu yang luas, menghormati sasaran dakwah dan mempunyai keteguhan jiwa dan ikhlas yang kuat. Hal ini selari dengan firman Allah yang bermaksud: “*Serulah (manusia) kepada jalan TuhanMu dengan jalan hikmah dan pelajaran yang baik*” (An Nahl, 16:125). Al-Qurthubi (2007) mentafsirkan ayat ini bahawa Allah SWT memerintahkan agar seruan dakwah disampaikan dengan lemah lembut, tidak kasar dan tidak keras manakala Ibnu Kathir (2007) pula mentafsirkan hikmah sebagai apa yang diturunkan kepada baginda Rasulullah SAW seperti Al-Quran dan pelajaran yang baik.. Melihatkan kepada dalil dan pandangan diatas, pendakwah yang kompeten perlu untuk mempunyai ilmu pengetahuan yang dalam tentang Islam serta mengetahui kaedah dan metode dakwah yang perlu digunakan sesuai dengan golongan *mad'u* yang ingin didakwah.

Kekurangan pendakwah yang kompeten telah menjadi sebuah cabaran yang besar buat YNPP dalam melaksanakan gerakan dakwah di Pulau Pinang. Antara ciri-ciri pendakwah yang tidak kompeten di YNPP ialah ketiadaan pendakwah yang mahir dalam berbahasa isyarat bagi berdakwah kepada golongan OKU. Menurut Muhammad Haiqal (2022), meskipun dunia telah mencapai kemajuan yang tinggi, namun pendekatan dakwah yang sesuai terhadap golongan kurang upaya masih kurang dijalankan oleh umat Islam pada masa kini. Hal ini seiringan dengan cabaran yang dihadapi oleh YNPP. Menurut In1 (komunikasi peribadi, November 1, 2024), YNPP kekurangan dan tiada pendakwah yang kompeten bagi berdakwah kepada golongan OKU seperti pekak dan bisu. Hal ini kerana, pendakwah di YNPP tidak menguasai kemahiran berbahasa isyarat serta metode dakwah yang perlu digunakan bagi berdakwah kepada golongan OKU. Hal ini dibuktikan oleh laporan yang dikeluarkan oleh YNPP. Menurut In3 (komunikasi peribadi, November 1, 2024), YNPP hanya melaksanakan 3 program bersama OKU pada tahun 2024. In3 (komunikasi peribadi, November 1, 2024) juga menambah bahawa kesukaran komunikasi antara pendakwah YNPP dan golongan OKU ketika program

itu berlangsung menyebabkan berlakunya pengurangan program yang dianjurkan oleh YNPP bersama golongan ini. Hal ini turut menjadi satu kerugian buat YNPP kerana bilangan OKU yang aktif di Pulau Pinang menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2024) ialah sebanyak 703,287. Dengan bilangan ini, adalah menjadi kerugian buat YNPP untuk tidak mendekati golongan ini disebabkan ketiadaan pendakwah yang kompeten.

Selain itu, YNPP juga ketiadaan pendakwah yang berkemahiran dalam berdakwah kepada *mad'u* yang terdiri daripada golongan *non muslim*. Hal ini kerana, antara faktor berlakunya kekurangan pendakwah yang kompeten di YNPP ialah kerana ketiadaan pendakwah yang berkemahiran yang ditempatkan di YNPP seperti Dai'e Muda YADIM (DMY). DMY ialah pendakwah-pendakwah yang lahir dari program realiti yang dibuat oleh YADIM iaitu "Program Akademi Dai'e Muda YADIM". Mereka berperanan sebagai ejen penyebaran dakwah bagi menyebarkan ajaran Islam di Malaysia. Namun, tiada DMY yang ditempatkan di YNPP. Hal ini berbeza dengan YADIM di negeri lain. Sebagai contoh, YADIM Negeri Sarawak dan Sabah mempunyai DMY bagi menggerakkan kerja dakwah terhadap golongan *non muslim* dan golongan *mad'u* yang terdiri daripada umat Islam sendiri (In2, komunikasi peribadi, Oktober 28, 2024). Hal ini dapat dibuktikan dengan laporan yang dikeluarkan oleh YADIM (2024), di mana negeri Sabah dan Sarawak antara negeri yang berjaya mencapai piawaian dalam skop 'pengislaman' iaitu sebanyak 15 orang setahun dan mencapai 100% dari piawaian yang ditetapkan iaitu sebanyak 15 orang. Hal ini berbeza dengan YNPP, di mana YNPP hanya berjaya mengislamkan sebanyak tiga orang setahun, dan bilangan ini menunjukkan ketidakcapaian YNPP dalam mencapai piawaian yang diletakkan oleh YADIM Induk iaitu sebanyak 10 orang setahun. Disebabkan ketiadaan pendakwah yang berkemahiran di YNPP, maka gerakan dakwah di YNPP lebih memfokuskan terhadap dakwah *islahiyah* iaitu dakwah yang memfokuskan kepada umat Islam samada dari sudut ilmu pengetahuan dan juga memperbaiki akhlak (In1, komunikasi peribadi, November 1, 2024).

Seterusnya, ciri terakhir pendakwah yang kurang kompeten di YNPP ialah kegagalan pendakwah bagi menguasai metode dakwah kontemporari. Menurut Zakaria Fazri (2022), dakwah kontemporari ialah kaedah dakwah yang menggunakan teknologi terkini dalam menyebarkan dakwah Islamiah. Menurut Zakaria Fazri (2022) lagi, kaedah ini sesuai dilakukan

keatas *mad'u* yang berada di kawasan bandar. Hal ini kerana, kawasan bandar mempunyai kemudahan teknologi serta jaringan internet yang luas berbanding kawasan kampung. Kaedah ini sangat sesuai digunakan di Pulau Pinang yang merupakan sebuah negeri yang pesat serta mempunyai jaringan internet yang luas. Metode dakwah kontemporari penting kerana kaedah ini dapat memberikan manfaat kepada ramai golongan, bukan hanya terhad kepada sesuatu golongan sahaja (Fazri, 2022). Namun, adalah menjadi kerugian buat YNPP kerana tidak mempunyai pendakwah yang menguasai metode dakwah kontemporari. Tidak dinafikan, YNPP mempunyai media sosial tersendiri bagi mempromosikan program dan dakwah, namun hal ini berbeza dengan pendakwah di YNPP. Menurut In1 (komunikasi peribadi, November 1, 2024), pendakwah di YNPP tidak menggunakan aplikasi-aplikasi terkini seperti *TikTok*, *Facebook* dan *Instagram* bagi mempromosikan dakwah Islamiah. Hal ini sekaligus mendatangkan kesan kepada YNPP, di mana setiap agenda dan objektif dakwah di YNPP tidak dapat disebarluaskan kepada pelbagai golongan disebabkan ketiadaan pendakwah yang aktif di media sosial (In1, komunikasi peribadi, November 1, 2024). Oleh hal yang demikian, dapat dirumuskan bahawa ketiga ciri pendakwah yang tidak kompeten iaitu ketiadaan pendakwah yang mahir berbahasa isyarat, ketiadaan pendakwah yang berkemahiran serta ketiadaan pendakwah yang menguasai metode dakwah kontemporari menyukarkan YNPP bagi melaksanakan gerakan dakwah di Pulau Pinang.

Ketidakstabilan Peruntukan Dana Operasi

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) mendefinisikan dana sebagai kumpulan wang untuk sesuatu tujuan atau kegunaan. Dalam konteks ini, dana merujuk kepada wang yang digunakan dan diperlukan oleh YNPP dalam melaksanakan gerakan dakwah serta menganjurkan program. Dana merupakan salah satu komponen yang sangat penting dalam pelaksanaan dakwah, terutamanya dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti dakwah secara berkesan. Maka atas dasar itu, Islam sangat menganjurkan untuk umatnya agar bersedekah dan menginfakkan harta di jalanNya. Hal ini dinyatakan di dalam Al-Quran yang bermaksud: "*Perumpamaan orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah seperti biji yang menumbuhkan tangkai, dan pada setiap tangkai ada seratus biji. Allah melipat gandakan bagi siapa yang Dia kehendaki*" (Al-Baqarah 2:261). Ibn Kathir (2003) menyatakan bahawa ini merupakan perumpamaan yang diberikan oleh

Allah SWT mengenai pahala golongan yang menginfakkan dan menafkahkan kekayaannya ke jalan Allah SWT iaitu sebanyak 700 kali ganda. Al-Qurthubi (2007) pula menambah bahawa setiap amalan kebaikan kebiasannya akan digandakan dengan 10 kali kebaikan, namun pada ayat ini ditunjukkan bahawa pahala bagi orang yang menginfakkan hartanya di jalan dakwah dan jihad akan digandakan dengan 700 kali ganda. Dalil ini jelas menunjukkan kepentingan dana dan infaq bagi jalan dakwah, sehingga Allah SWT memberikan ganjaran yang cukup besar bagi sesiapa yang meninfakkan hartanya ke jalan Allah SWT.

Namun, kekurangan dana telah menyukarkan YNPP dalam melaksanakan gerakan dakwah. Menurut In1 (komunikasi peribadi, November 1, 2024), meskipun YADIM dilihat sebagai sebuah badan yang bernaung di bawah Jabatan Perdana Menteri, namun ia bukanlah jaminan bahawa YNPP akan mendapat dana yang secukupnya bagi menjalankan operasi dan dakwah di Pulau Pinang khususnya. Hal ini selari dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Nasrudin Hasan (2021). Menurut Nasrudin Hasan (2021), YADIM memerlukan dana sebanyak RM50 juta setahun bagi mengaktifkan gerakan dakwah dalam pelbagai lapangan seperti *street dakwah*, bantuan bencana alam dan sebagainya. Nasrudin Hassan menambah bahawa purata dana sumbangan yang diterima oleh YADIM hanya sebanyak RM20 juta sahaja. Hal ini sedikit sebanyak akan mempengaruhi dana yang akan diterima oleh YNPP, sekaligus mempengaruhi kegiatan dakwah yang akan dilakukan oleh YNPP. Menurut In1 (komunikasi peribadi, November 1, 2024), YNPP masih belum melaksanakan program-program yang memberikan impak yang besar kepada masyarakat disebabkan oleh kekurangan dana bagi menjayakan sesebuah program. Hal ini kerana, program-program yang memberikan impak yang besar memerlukan perbelanjaan yang besar seperti kos makanan, kos bayaran penceramah, kos penginapan peserta, kos penginapan penceramah serta pendakwah-pendakwah yang lain dan sebagainya (In1, komunikasi peribadi, November 1, 2024).

Kekurangan dana operasi di YNPP juga menjadi satu faktor utama bagi cabaran yang dihadapi oleh pihak YNPP dalam gerakan dakwah (In2, komunikasi peribadi, Oktober 28, 2024). Hal ini kerana dana yang diperoleh daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) adalah terhad, iaitu sebanyak 70% anggaran bernilai RM2.8 juta kepada YADIM di setiap negeri sebagai dana pengurusan, manakala baki 30% anggaran bernilai

RM1.2 juta. Dana yang diterima ini perlulah dibahagikan kepada 12 buah negeri. Menurut In2 (komunikasi peribadi, Oktober 28, 2024), dana pengurusan ini juga termasuk gaji pegawai dan kakitangan, pembayaran sewa bangunan, pembayaran bil api dan bil air dan sebagainya. Hal ini berbeza dengan dana yang diperolehi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Menurut In2 (komunikasi peribadi, Oktober 28, 2024), JAKIM memperoleh dana yang besar iaitu sebanyak 50% bagi kos pengoperasian, kerana JAKIM merupakan sebuah badan yang berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Perubahan dalam peraturan dan dasar kerajaan juga boleh mempengaruhi kestabilan peruntukan dana. Jika terdapat kekurangan dalam undang-undang atau peraturan yang mengawal penggunaan dana, ini dapat membuka ruang bagi penyalahgunaan dan ketidakpatuhan terhadap prosedur yang ditetapkan (Ahmad Khusairi, 2023). Oleh itu, inisiatif lain bagi pengumpulan dana telah diambil oleh pihak YADIM iaitu dengan menjalin kerjasama dengan MobilityOne Sdn Bhd bagi memudahkan proses pengumpulan dana infaq melalui pelbagai saluran pembayaran digital.

Ketidakstabilan peruntukan dana operasi juga boleh disebabkan oleh kelemahan atau ketidakcekapan dalam pengurusan. Ini termasuk juga kekurangan mekanisme pemantauan yang jelas untuk memastikan pelaksanaan program atau aktiviti berjalan dengan baik. Tanpa pengawasan yang ketat, kemungkinan berlakunya penyelewengan dan pembaziran sumber akan meningkat (Ahmad Khusairi, 2023). Hal ini kerana, dengan ketiadaan pemantauan daripada badan berintegriti seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) boleh menyebabkan berlakunya ketidaktelusan dalam kalangan kakitangan dan pegawai sekaligus mendorong berlakunya ketidakstabilan peruntukan dana operasi. Menurut Ahmad Khushairi (2023), antara faktor berlakunya penyelewengan dalam sesebuah organisasi ialah kelemahan dalam proses semakan terhadap ketulenan maklumat yang dikemukakan, tiada mekanisme yang jelas untuk memantau program atau aktiviti yang sedang dijalankan dan tiada peraturan dan undang-undang yang jelas untuk diambil tindakan terhadap pemohon. Selain itu, ketidakcekapan dalam pengurusan juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan kestabilan dana yang diperolehi. Hal ini bagi memastikan setiap dana yang diperolehi digunakan dengan efisien dan sebaik mungkin. Oleh itu, subtopik seterusnya akan membincangkan mengenai pengurusan operasi di YNPP.

Pengurusan Operasi Yang Kurang Efisien

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), efisien bermaksud organisasi, mesin dan lain-lain yang boleh menjalankan tugas dengan cekap. Dalam konteks ini, efisien yang dimaksudkan adalah dari sudut pengurusan, kewangan dan kegiatan dakwah di YNPP. Pengurusan yang efisien merupakan salah satu elemen yang penting dalam memastikan kelancaran dan keberkesanan dakwah di mana-mana organisasi, termasuklah YNPP. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud: *“Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah (dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya) dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat)”* (Al-Hasyr, 59:18). Menurut Al-Qurthubi (2007), beliau mentafsirkan ayat ini sebagai perintah dan suruhan Allah SWT bagi manusia untuk melakukan perancangan bagi menghadapi hari esok iaitu hari kiamat. Menurut Fathur Rahman, Ahmad Yusam Thobroni dan Abdillah Theofany Farozdaq (2023) pula, ayat ini mengajarkan manusia tentang teori pengurusan dan perancangan yang baik dan perancangan yang berkaitan dengan kehidupan di dunia dan kehidupan yang akan datang, iaitu akhirat. Ayat ini juga boleh diaplikasikan dalam gerakan dakwah. Hal ini kerana, secara konsepnya ayat ini menerangkan tentang kepentingan mempunyai pengurusan yang baik, sama ada dari segala aspek baik akidah, syariah, akhlak mahupun dakwah. Meskipun Al-Qurthubi (2007) mentafsirkan ayat ini sebagai peringatan bagi umat manusia agar bersedia untuk hari akhirat, ayat ini juga boleh ditafsirkan sebagai ayat yang menyeru manusia bagi melakukan persediaan dan pengurusan dari segala aspek termasuklah dakwah. Kenyataan ini disokong oleh Masitah Esa et al., (2017) yang menunjukkan bahawa elemen pengurusan juga merupakan suatu elemen yang penting bagi menggerakkan dakwah Islamiah.

Namun, pengurusan operasi yang kurang efisien merupakan salah satu cabaran yang menjadi hambatan buat YNPP dalam melaksanakan gerakan dakwah. Antara contoh pengurusan operasi yang kurang efisien ialah kelewatan bayaran terhadap pembekal makanan. Hal ini kerana, kelewatan YNPP dalam membuat pembayaran kepada pembekal makanan akan menyebabkan pertambahan hutang yang perlu dijelaskan oleh YNPP. Menurut In1 (komunikasi peribadi, November 1, 2024), antara dua punca

kelewatan pembayaran YNPP kepada pihak pembekal makanan ialah ketiadaan *Standard Operating Procedure* (SOP) dan kelewatan penyerahan invois daripada pembekal kepada YNPP. Menurut Mohd Nizam (2019), SOP penting bagi mengelakkan berlakunya salah laku dan penyelewengan yang boleh berlaku antara pihak pembeli dan pembekal. Dengan adanya SOP yang jelas, ia sekaligus dapat mengelakkan daripada berlakunya salah laku yang boleh menjejaskan imej organisasi (Mohd Nizam, 2019). Selain itu, antara punca lain ialah kelewatan penyerahan invois oleh pihak pembekal kepada YNPP juga menjadi faktor berlakunya kelewatan pembayaran. Hal ini sekaligus mendatangkan kesan kepada pelaksanaan program di YNPP. Hal ini kerana, ketiadaan SOP yang jelas dalam membuat bayaran serta penyerahan invois yang lewat daripada pembekal akan menyebabkan berlakunya penundaan program yang YNPP perlu jalankan. Hal ini disokong oleh Ismail (2020) yang menyatakan kesan daripada kelewatan pembayaran akan menyebabkan gangguan pelaksanaan sesuatu program dakwah.

Selain itu, antara contoh pengurusan yang kurang efisien di YNPP ialah kelewatan dalam membuat bayaran kepada penceramah. Menurut In1 (komunikasi peribadi, November 1, 2024), antara kelemahan pengurusan operasi di YNPP ialah kelewatan dalam melakukan bayaran penceramah. Hal ini kerana, bagi melakukan pembayaran kepada penceramah memerlukan proses dokumentasi yang banyak. Antara dokumen yang diperlukan bagi membuat pembayaran kepada penceramah ialah borang BA.Si iaitu borang terperinci penceramah, borang biodata penceramah, borang program dan sebagainya (In2, komunikasi peribadi, Oktober 28, 2024). Hal ini sekaligus melambatkan pembayaran kepada penceramah yang telah dipilih oleh YNPP bagi melaksanakan ceramah di program YNPP. Menurut In1 (komunikasi peribadi, November 1, 2024), dengan berlakunya kelewatan pembayaran ini, ia sekaligus boleh mendatangkan kesan terhadap program dakwah yang ingin dijalankan oleh YNPP. Antara kesan kelewatan bayaran penceramah ialah ia akan menambahkan beban dan hutang yang perlu dibayar oleh YNPP. Hal ini sekaligus menyukarkan YNPP bagi melaksanakan program-program seterusnya. Selain itu, kelewatan pembayaran penceramah juga akan mendatangkan kesan terhadap kualiti sesebuah program. Hal ini disokong oleh Zulkifli (2020) yang menyatakan bahawa program dakwah yang melibatkan pembayaran yang tertunggak akan menyebabkan berlakunya penurunan kualiti dalam penyampaian yang diberikan.

Seterusnya, antara kekurangan yang YNPP hadapi dalam pengoperasian ialah kekurangan pekerja bagi melaksanakan sebuah operasi atau program dakwah. Menurut In1 (komunikasi peribadi, November 1, 2024), hal ini merupakan sebuah cabaran YNPP dalam melaksanakan operasi dan gerakan dakwah di Pulau Pinang. Hal ini kerana, tenaga kerja yang ramai penting bagi menjayakan sesebuah program atau operasi khususnya operasi berkaitan dakwah. Sebagai contoh, menurut In3 (komunikasi peribadi, November 1, 2024), antara kesukaran yang berlaku disebabkan kekurangan tenaga kerja ialah kesukaran dalam melaksanakan program bantuan sumbangan kepada golongan asnaf. In3 (komunikasi peribadi, November 1, 2024) menambah bahawa dengan kekurangan tenaga pekerja menyebabkan berlakunya kelewatan dalam menyelesaikan program tersebut. Hal ini membuktikan bahawa tanpa tenaga kerja yang ramai, ia akan memberikan kesulitan bagi melaksanakan program dakwah kemasyarakatan seperti bantuan sumbangan, program mencuci masjid, *street dakwah* dan sebagainya. Kenyataan ini selari dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Fazil (2018) yang berpandangan bahawa tenaga kerja yang sedikit menyukarkan untuk mencapai kesan dakwah yang positif. Melihatkan kepada ketiga-tiga contoh di atas, dapat dirumuskan bahawa kelewatan pembayaran kepada pembekal makanan, kelewatan membayar bayaran penceramah serta kekurangan tenaga kerja adalah bentuk pengurusan operasi yang kurang efisien di YNPP sekaligus menjadi cabaran bagi YNPP dalam melaksanakan gerakan dakwah di Pulau Pinang.

Pusat Operasi Yang Tidak Strategik

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), strategik didefinisikan sebagai letaknya yang baik (elok). Dalam konteks dakwah, lokasi yang strategik memainkan peranan yang penting dalam gerakan dakwah. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan beberapa kota penting yang menjadi pusat penyebaran dakwah Islamiah. Antara contoh kota yang pernah menjadi pusat penyebaran dakwah Islamiah ialah Madinah Al-Munawwarah. Madinah ialah kota pertama yang menjadi pusat pemerintahan Islam yang dipimpin oleh Baginda Rasulullah SAW. Menurut Husain Mu'nis (2018), sebelum kedatangan baginda Rasulullah SAW ke Madinah, Madinah adalah sebuah kota yang tidak dikelola dengan baik, namun Madinah ketika itu merupakan sebuah kawasan yang strategik. Hal ini kerana, Madinah secara geografinya memiliki kelebihan

dan sesuai menjadi *army basement* (ruang ketenteraan) berbanding kota yang lain (Otta, 2010). Hal ini kerana di sebelah barat kota Madinah terdapat kawasan yang luas dengan bukit yang berbatukan volkano. Kawasan ini akan menjadi sangat panas pada musim panas. Selain itu, di kawasan selatan Madinah pula terdapat daerah yang sangat subur dengan pertanian seperti pohon kurma. Kawasan ini juga sangat sesuai untuk dijadikan perangkap bagi musuh (Otta, 2010). Selain dari kelebihan kota Madinah yang strategik, antara kelebihan kota Madinah ialah penduduk yang mudah menerima ajaran Islam. Menurut Ibn Hisham (2001), hal ini berlaku kerana masyarakat di Madinah telah terbiasa dengan keadaan sosial yang lebih terbuka dan persediaan spiritual yang lebih tinggi dalam kalangan penduduk Madinah. Oleh hal yang demikian, faktor lokasi serta penerimaan penduduk setempat memainkan peranan penting dalam penyebaran dakwah Islamiah.

Kedudukan geografi juga memainkan peranan penting dalam memudahkan gerakan dakwah di Pulau Pinang. Hal ini kerana, Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang unik, kerana Pulau Pinang merupakan negeri yang mempunyai jambatan bagi menghubungkan tanah seberang dan pulau. Jambatan Pulau Pinang merupakan sebuah projek yang dicipta pada tahun 1985 dan merupakan projek dibawah pemerintahan Tun Dr Mahathir (Jabatan Kerja Raya, 2020). Menurut Jabatan Kerja Raya (2020), Jambatan Pulau Pinang bukan sahaja memudahkan pergerakan penduduk, bahkan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial di kawasan sekitarnya. Di bahagian pulau, terdapat dua daerah utama iaitu Timur Laut dan Barat Daya. Daerah pertama yang berada di bahagian pulau ialah Timur Laut. Daerah ini merupakan salah satu dari lima daerah utama iaitu Daerah Barat Daya, Daerah Timur Laut, Seberang Perai Selatan (SPS), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Utara (SPU). Daerah ini meliputi wilayah sebelah timur laut Pulau Pinang, termasuk ibu kota negeri Pulau Pinang, Georgetown (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Daerah kedua yang terletak di bahagian pulau ialah daerah Barat Daya. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), daerah Barat Daya mempunyai keluasan 24,200.55 hektar dimana terdapat dua bandar iaitu bandar Balik Pulau yang berkeluasan 67.34 hektar (174.9 km) dan bandar Bayan Lepas dengan keluasan 11.05 hektar. Selain dari kedua daerah ini, wujud tiga daerah yang bertempat di tanah seberang iaitu Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara (Jabatan Perangkaan

Malaysia, 2020). Melihatkan kepada geografi negeri Pulau Pinang, ia memberi beberapa kelebihan dan kekurangan bagi YNPP bagi melaksanakan gerakan dakwah.

Namun, faktor lokasi dan geografi telah menjadi sebuah cabaran bagi YNPP dalam melaksanakan gerakan dakwah di Pulau Pinang. Hal ini kerana, YNPP terletak di daerah Seberang Perai Utara (SPU) yang terletak jauh daripada kawasan pulau iaitu daerah Timur Laut dan Barat Daya. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), SPU ialah daerah terbesar di Pulau Pinang. Keluasan daerah SPU adalah seluas 26,588.04 hektar iaitu bersamaan dengan 262.53km persegi. Namun, daerah SPU bukanlah sebuah daerah yang pesat dengan pembangunan seperti di daerah Timur Laut. Menurut In1 (komunikasi peribadi, November 1, 2024), lokasi YNPP di Bertam, daerah SPU ini jauh dari bandar-bandar maju di Pulau Pinang seperti Butterworth dan Georgetown. Hal ini secara tidak langsung mendatangkan beberapa kesan kepada YNPP. Antara kesan yang dihadapi oleh YNPP ialah kesukaran bagi melaksanakan program di Daerah Barat Daya dan Timur Laut. Hal ini kerana, perjalanan ke pulau mengambil masa yang lama ditambah lagi dengan kesesakan lalu lintas di atas jambatan yang menyukarkan bagi pihak YNPP bergerak ke sana. Menurut In1 (komunikasi peribadi, November 1, 2024), perjalanan yang jauh juga menyebabkan peningkatan kos yang perlu dikeluarkan oleh YNPP. Hal ini kerana, terdapat program yang dianjurkan lebih dari sehari, menyebabkan pegawai YNPP perlu menyewa hotel bagi melaksanakan program dakwah di sana. Dengan wujudnya penambahan kos, ia menyukarkan YNPP bagi melaksanakan program di Daerah Timur Laut dan Barat Daya.

Selain itu juga, antara kesan yang dihadapi oleh YNPP disebabkan faktor pusat operasi yang tidak strategik juga menyukarkan YNPP bagi berdakwah di Daerah SPS. Hal ini kerana, daerah SPS merupakan sebuah daerah yang jauh dari kepesatan bandar serta kurang aksesibiliti serta infrastruktur yang lengkap. Akibat daripada kekurangan sumber manusia dan kewangan di kawasan luar bandar menyebabkan kesukaran dalam melaksanakan program-program dakwah (Mohamad Nasir & Rosmawati, 2019). Tambahan pula, masyarakat di kawasan ini kurang terdedah kepada program-program dakwah atau pemahaman tentang ajaran Islam, menjadikan usaha untuk mendekati mereka lebih mencabar. Inisiatif seperti program street dakwah telah dilaksanakan untuk mendekati masyarakat secara langsung, dengan tujuan untuk meningkatkan

kesedaran dan pemahaman tentang Islam. Program ini melibatkan interaksi langsung dengan masyarakat bukan Islam dan memberikan maklumat tentang ajaran Islam. Kerjasama antara pelbagai NGO seperti Hidayah Centre dan Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) dalam menjalankan aktiviti dakwah membantu memperluas jangkauan dan meningkatkan keberkesanan program-program tersebut. Oleh hal yang demikian, dapat dirumuskan bahawa faktor lokasi pusat yang tidak strategik merupakan salah satu cabaran bagi YNPP dalam melaksanakan gerakan dakwah di Pulau Pinang.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, gerakan dakwah telah bermula sejak dari zaman Rasulullah SAW sehingga ke hari ini. Di Malaysia, wujud sebuah institusi dakwah yang ditubuhkan oleh bekas Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak yang dinamakan YADIM yang bertujuan bagi menyelaras gerakan dakwah di Malaysia. Antara peranan YADIM dalam melestarikan gerakan dakwah di Malaysia ialah memanfaatkan kaedah-kaedah baru dan teknologi terkini dalam bidang dakwah, menjalankan kegiatan dakwah termasuklah menganjurkan program-program seperti forum, ceramah dan seminar serta menerbitkan bahan-bahan penerangan mengenai Islam dan menangani dakyah-dakyah yang memburukkan agama Islam. Selain itu, terdapat dua metodologi dakwah yang digunakan oleh YADIM iaitu kaedah dakwah melalui tarbiah dan kaedah dakwah melalui media. Namun begitu, perjalanan dakwah di setiap negeri di Malaysia ini mempunyai rintangan dan cabarannya yang tersendiri termasuklah di negeri Pulau Pinang. Dapatan menunjukkan bahawa wujudnya empat cabaran yang dihadapi oleh YNPP dalam melaksanakan gerakan dakwah di Pulau Pinang. Antara cabaran yang dihadapi ialah kekurangan pendakwah yang kompeten, ketidakstabilan peruntukan dana operasi, pusat operasi yang tidak strategik dan pengurusan operasi yang kurang efisien. Artikel ini mencadangkan supaya pelan tindakan dilakukan segera oleh YNPP bagi mengatasi cabaran yang boleh membantutkan gerakan dakwah di Pulau Pinang. Hal ini bertujuan bagi melancarkan gerakan dakwah di Pulau Pinang selari dengan peranan dan objektif penubuhan YADIM itu sendiri. Oleh hal yang demikian, kajian lanjutan diperlukan bagi mencari kaedah serta solusi bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh YNPP dalam melaksanakan gerakan dakwah di Pulau Pinang.

Rujukan

- Abd Aziz, M. Z., Nor Raudah, H. S., Yusmini, M. Y., & Faridah, M. S. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. University of Malaya Press.
- Abdul Karim Zaidan. (1993). *Usul Ad-Da'wah*. Beirut: Mu'assasah al- Risalah.
- Adam Abdullah, A.-A. (1989). *Tarikh al-Dakwah al-Da 'wah al-Islamiyah baina al-Ams ila al-Yaum*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Ahmad Khusairi, Y. (2023). *Ketirisan dan Penyelewengan Pengurusan Dana Serius*. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
- Ahmad, A. (1993). *Dakwah Islam dan perubahan sosial: suatu kerangka pendekatan dan permasalahan*. Yogyakarta: Penerbit Duta.
- Ahmad, S. (2021). *YADIM Perlu RM50 Juta Setahun untuk Kerja Dakwah*. BH Online.
- Al-Qaradhwī, Y. (1991). *Thaqafat al-Da'īyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qurthubi, I. (2007). *Kitab Tafsir Al-Qurthubi* (Vol. Jilid 18). Indonesia: Pustaka Azzam.
- Ayub, M. K. (1991). *Pelajar Mahasiswa Visi dan Misi*. Kuala Lumpur : Budaya Ilmu Sdn Bhd.
- Babbie, E. R. (2002). *The Basic Of Social Research*. Canada: Wadsworth Thomson Learning.
- Bayanūnī, M. A.-F. (1991). *al-Madkhal ilā „Ilm al-Da'wah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- Cresswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods*. America: Sage Publication.
- Creswell, J. W. (2002). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed method approaches*. Canada: Sage Publications.
- Fathur Rahman, A. Y. (2023). Pemaknaan Kembali Qs. Al-Hasyr :18 Sebagai Tujuan Pendidikan Islam Yang Adaptif Dalam Menyongsong Generasi Khairu Ummah. *Jurnal Kependidikan Islam*, 68.
- Fazil. (2018). Tenaga Kerja Dalam Dakwah: Cabaran dan Kesan. *Jurnal Dakwah dan Masyarakat*, 2, 34-47.

- Fazri, Z. (2022). Dakwah Dalam Perspektif Ilmu Dakwah Kontemporer. *Jurnal Hadis Dakwah*, 4.
- Gopal, I. D. (2020). *Laporan Infrastruktur Jalan dan Pengangkutan Pulau Pinang*. Jabatan Kerja Raya Malaysia.
- Haiqal, M. (2022). Dakwah Terhadap Golongan Kurang Upaya. *Interaksi Dakwah di Malaysia Merentas Zaman*.
- Hamizi, M. A. (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Jurnal Perspektif*, 25.
- Ibn Abd al-Barr. (1992). *Al-Isti'āb Fi Ma'rifat Al-Ashāb*. Beirut: Dar al-Jil-il.
- Ibn Asakir. (1998). *Tarikh Madinah Dimasyq*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hisham. (2001). *As-Sirah An-Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Kathir. (2003). *Tafsir Ibn Kathir*. Indonesia: Pustaka Imam As-Syafi'i.
- Informan 1 (In1). (2024, November 1). (B. Muhammad Izzuddin, Interviewer)
- Informan 2 (In2). (2024, Oktober 28). (B. Muhammad Izzuddin, Interviewer)
- Informan 3 (In3). (2024, November 1). (B. Muhammad Izzuddin, Interviewer)
- Ismail. (2020). Pengurusan Kewangan dan Pengurusan Pembekal dalam Organisasi Dakwah. *Jurnal Pengurusan Islam*, 52-65.
- Jabatan Kerja Raya. (2019). *Laporan Infrastruktur Daerah Seberang Perai Selatan*. Kuala Lumpur.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan Statistik Negeri Pulau Pinang*. Kuala Lumpur. Retrieved November 18, 2024, from https://seadelt.net/Asset/Source/Document_ID-534_No-01.pdf
- Jamaludin, M. H. (2024, November 1). Cabaran YADIM Negeri Pulau Pinang dalam Melaksanakan Gerakan Dakwah. (M. I. Basri, Interviewer)
- Jamiri, M. A. (2022). Ibrah dan Pengajaran Kisah Taif Serta Cabaran Dakwah di Malaysia Masa Kini. *Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2022* (p. 5). Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamri. (2022). *Maklumat Dadah 2022*. Putrajaya: Agensi Antidadah Kebangsaan.

- Jawatankuasa Kebangsaan Nama Geografi Malaysia. (2022). *Pulau Pinang Pulau Mutiara 2022*. Kuala Lumpur: Mygeoportal. Retrieved from <https://mygeoname.mygeoportal.gov.my/pdf/07.pdf>
- Kamaluddin. (2015). Mengenal Mad'u Dalam Perspektif Teologis, Sosiologis, Antropologis dan Psikologis. *Khilafah Konstitusional*, 42-44.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian di Jabatan Perdana Menteri. (2020). *Peruntukan untuk Aktiviti Dakwah YADIM*. Putrajaya.
- Kementerian Kemajuan Penduduk dan Wilayah. (2024). *Statistik Bancian Penduduk*. Putrajaya.
- Kementerian Pembangunan Wanita, K. d. (2008, January 24). *Akta 685- Akta Orang Kurang Upaya 2008*. Retrieved Oktober 17, 2024, from [kpwkm.gov.my: https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Akta/Akta%20685%20-%20Akta%20Orang%20Kurang%20Upaya%202008.pdf](https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Akta/Akta%20685%20-%20Akta%20Orang%20Kurang%20Upaya%202008.pdf)
- Kementerian Pembangunan Wanita, K. d. (2024, Mei 27). *KPWKM Hargai Majikan Menggajikan Pekerja Golongan Orang Kurang Upaya (OKU)*. Retrieved Oktober 29, 2024, from [kpwkm.gov.my: https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/KenyataanMedia/2024/27%20MEI%20SIARAN%20MEDIA%20KPWKM%20HARGAI%20%20MAJIKAN%20MENGGAJIKAN%20PEKERJA%20GOLONGAN%20ORANG%20KURANG%20UPAYA%20\(OKU\)%20\(1\).pdf](https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/KenyataanMedia/2024/27%20MEI%20SIARAN%20MEDIA%20KPWKM%20HARGAI%20%20MAJIKAN%20MENGGAJIKAN%20PEKERJA%20GOLONGAN%20ORANG%20KURANG%20UPAYA%20(OKU)%20(1).pdf)
- Kemp, S. (2023). *Digital 2023: Malaysia*. Kuala Lumpur: Data Reportal. Retrieved November 29, 2024, from <https://datareportal.com/reports/digital-2023-malaysia>
- Khaulah Hilaludin, M. N. (2024). Keusahawanan Islam: Satu Kajian terhadap Kisah Telaga Wakaf Saidina Uthman r.a. *Jurnal Rabbanica*, 36.
- Lin, K. J. (2024). *Jenayah Seksual: Apa Kata Statistik Dalam Tempoh Tiga Tahun*. Kuala Lumpur: Malaysiakini.
- Mahmud, A. A. (1995). *Fiqh al-Mas'uliyah fil-Islam*. Mesir: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyah.
- Majid, M. A. (2015). Adaptasi Kaedah Pemasaran Dalam Perancangan dan Pengurusan Dakwah. *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 59.

- Masitah Esa, A. A. (2017). Metodologi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) kepada Masyarakat: Satu Tinjauan Awal. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*.
- Masitah Esa, Amini Amir, A., Nurdeng, D., Ma'rof, R., & Nur A'thiroh, M. T. (2017). Implementasi Konsep Pengurusan Dakwah Satu Tinjauan Awal di Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). *Sains Insani*, 2(2), 10-19.
- Mohamad Nasir, N. A., & Rosmawati, M. R. (2019). Pendekatan Street Dakwah kepada Bukan Islam dalam Kalangan Pendakwah NGO Muslim di Pulau Pinang (Taha Kefahaman Pendakwah Mengenai Street Dakwah). *Jurnal Pengajian Islam*, 120-131.
- Mohamad Tajuddin, M. R. (2007). Mosque architecture in Malaysia: Classification of styles and possible influence. *Jurnal Alam Bina*, 1-37.
- Mohd Nizam, & Amini. (2019). Penyelewengan Dana dalam Organisasi Sosial: Perspektif Islam dan Pengurusan. *Jurnal Pengajian Dakwah*, 75-85.
- Mohd. Hisyam Abdul Rahim, A. A. (2024). Analisis Pengurusan Infrastruktur Dakwah dari Perspektif Al-Quran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 2.
- Muhammad Fakhru Bazli, K. O. (2022, Julai 14-15). Pertubuhan YADIM Dalam Memartabatkan Dakwah Islamiyyah. *Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2022*.
- Muhammad Rashidi, W. (2017). Ancaman Liberalisme di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam*(2), 17-40.
- Mu'nis, H. (2018). *Sejarah Otentik Nabi Muhammad*. Indonesia: Pustaka Liman.
- Muslim, M. S. (2016). Varian-Varian Paradigma, Pendekatan, Metode, dan Jenis Penelitian dalam. *Wahana*, 1(10).
<https://doi.org/https://doi.org/10.33751/wahana.v1i10.654>
- Mustaqim Roslan, M. (2024). Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Kesannya Kepada Murid Tahap Satu: Analisis Subjek Pendidikan Islam. *UMRAN*, 63-78.

- Nawi, M. Z. (2020). Pelaksanaan Tarbiah Islamiah Pada Zaman Rasulullah SAW di Mekah dan Madinah: Satu Sorotan. *International Journal of Islamic dan Civilizational Studies*.
- Noradilah Abdul Wahab, N. M. (2020). Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Masa Kini. *International Social Science and Humanities Journal*, 14.
- Norhidayat. (2014). Mengenal Mad'u Dalam Perspektif Al-Quran dan Hadis. *Ittihad Jurnal Kopertais Wilayah XI Kalimantan*, 116-118.
- Noriah Mohamed, M. H. (2006, December 11). Sejarah Awal Pulau Pinang.
- Nur Aishah, Z., & Mustaqim Roslan, M. (2024). Faktor-faktor Kegagalan Penggunaan Buku Teks Yayasan Islam Kelantan (YIK) Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PDP): Satu Analisis Kajian Kes. *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies (IJWCPS)*, 1(1), 1-25.
- Nurasykim, M. F. (2019). Strategi Rasulullah Dalam Pengembangan Dakwah Pada Periode Mekkah. *Jurnal At-Taujih Bimbingan dan Konseling Islam*, 110.
- Othman, R. (1990). *Pengurusan Dakwah*. Shah Alam: Ummah Media Sdn Bhd.
- Otta, Y. A. (2010). Madinah dan Pluralisme Sosial (Studi atas Kepemimpinan Rasulullah Saw). *Jurnal Ilmiah Al-Syi'rah*, 481.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research & Evaluation Methods*. London: Sage Publications.
- Portal Rasmi Kementerian Komunikasi. (2024, September 22). *Malaysia Ada 28 Juta Pengguna Media Sosial*. Retrieved October 17, 2024, from [komunikasi.gov.my](https://www.komunikasi.gov.my):
<https://www.komunikasi.gov.my/awam/berita/20226-malaysia-ada-28-juta-pengguna-media-sosial>
- Quddus, Q. A. (2024). *Jakim perjelas video tular, MOF selesai salur RM120 juta Oktober ini*. Shah Alam: Sinar Harian. Retrieved November 11, 2024, from <https://www.sinarharian.com.my/article/689299/berita/nasional/jakim-perjelas-video-tular-mof-selesai-salur-rm120-juta-oktober-ini>
- Rahman, D. A. (2010). *Madinah Munawwarah Kelebihan dan Sejarah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.

- Ritchie, J., Jane, L., Nicholls, C. M., & Ormston, R. (2013). *Qualitative Research Practice - A Guide for Social Science Students and Researchers* (2nd ed.). SAGE Publications Ltd.
- Sadeghi, A. (2020). Islam in Medina: The Birth of a New Social Order. *Journal of Islamic Studies*, 213-226.
- Said, Z. A. (1992). *Pengurusan Pemasaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salim, S. O. (2007). In D. B. Pustaka, *Kamus Dewan: edisi keempat*. Kuala Lumpur: Xentral Methods Sdn Bhd.
- Shalabi, D. R. (1982). *Sikulugiyah al-Ra'I wa al-Da'wah*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Siti Ruzana, A. G., Rahilah, O., Azlizan, M. E., & Russli, K. (2020). Cabaran dan Isu Dalam Perkembangan Dakwah Gerakan Islam di Malaysia Tahun 1957-2000. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1), 98-115.
- Slamet Riyadi, T. W. (2023). Peran Dakwah Islam Periode Makkah. *Triwikrama: Jurnal Multidisiplin*.
- YADIM Putrajaya. (2024). *Pencapaian KPI YADIM Negeri*. Putrajaya: YADIM.
- Yusuf Al-Qaradhawi. (1978). *Thaqafah al-Da'iyah*. Beirut.
- Zulkifli. (2020). Impak Kelewatan Pembayaran Terhadap Kualiti Program Dakwah. *Jurnal Pengajian Islam*, 87-98.
- Zulkifli Al-Bakri. (2019, July 22). *Bayan Linnas Siri Ke-201: Pemantapan Jati Diri Pendakwah*. Retrieved Oktober 2024, from muftiwp.gov.my: <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3590-bayan-linnas-siri-ke-201-pemantapan-jati-diri-pendakwah>